

**Agong Akhiri Lawatan Negara Tiga Hari Ke Thailand, Berangkat Ke Vietnam  
Bernama  
5 Sept, 2013**

BANGKOK, 5 Sept (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah menamatkan lawatan negara tiga hari ke Thailand, dan berangkat ke Vietnam, Khamis.

Pasangan Diraja itu berangkat dengan pesawat khas dari Pangkalan Tentera Udara Diraja Thailand di Don Mueang dekat sini pada pukul 9 pagi (waktu tempatan) dengan diiringi Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom, sebagai menteri pengiring.

Ketibaan Seri Paduka Baginda berdua di lapangan terbang itu pada pukul 8.40 pagi disambut Putera Mahkota Maha Vajiralongkorn dan Puteri Maha Chakri Sirindhorn.

Tuanku Abdul Halim dan Putera Mahkota kemudian ke pentas khas untuk istiadat keberangkatan pulang dan serentak dengan itu lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan.

Putera Mahkota serta Puteri Sirindhorn kemudian mengiringi Tuanku Abdul Halim dan Tuanku Hajah Haminah ke pesawat khas untuk berangkat ke Vietnam bagi lawatan negara.

Lawatan Seri Paduka ke Thailand, merupakan lawatan pertama selepas baginda ditabal sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-14 pada 11 April tahun lepas, dan lawatan negara ketiga di negara Asean, selepas Indonesia dan Brunei tahun lepas.

Semasa di Thailand, Yang di-Pertuan Agong turut menerima menghadap Perdana Menteri Thai Yingluck Shinawatra.

Semasa di sini, Seri Paduka dikurniakan darjah kebesaran 'The Knight of the Most Illustrious Order of the Royal House of Chakri (Thailand)' dan Raja Permaisuri Agong pula dikurniakan darjah kebesaran 'Knight Grand Cross (First Class) of the Most Illustrious Order of the Chula Chom Klao (Thailand)'.

Darjah kebesaran Thailand itu dikurniakan oleh Putera Mahkota Thailand, Putera Maha Vajiralongkorn dalam majlis yang diadakan di Istana Klai Kangwon, Hua Hin.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=975329>